



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1&5, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.5(34)

Tarikh : 2 Mei 2025

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**KELULUSAN PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN
AP58(a) BAGI PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2024**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan ANM.PHG.600-15/3/7 JLD.5(07) bertarikh 6 Januari 2025 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, selaras dengan SPANM Bil.5/2023 (Lampiran C), semua pembayaran AP58(a) dengan kelulusan daripada Pejabat Perakaunan hendaklah selesai sebelum atau pada 30 April 2025 dan sebarang pembayaran selepas tarikh tersebut hendaklah mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.

3. Justeru, sebarang kelulusan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang adalah **terpakai bagi pembayaran sehingga 30 April 2025 sahaja**. Sekiranya terdapat **pembayaran selepas 30 April 2025**, PTJ hendaklah mendapatkan kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) daripada Kementerian Kewangan melalui Kementerian masing-masing.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(SITI ZAINAB BINTI ISMAIL C.A. (M), CPA (Aust))

b.p Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang